

09/09/2000

Tidak ada royalti minyak mengikut perjanjian 1975

Azhar Abu Samah

SEKIRANYA boleh dimainkan semula pita rakaman ceramah politik pemimpin Pas Terengganu menjelang pilihan raya umum tahun lalu, pasti ramai yang dapat mengingati betapa ramai pemimpin parti itu mengira pendapatan sehari negeri itu daripada royalti minyak tidak kurang daripada RM1 juta.

Ada pemimpin parti itu sengaja mempermainkan soal pendapatan itu di pentas politik bagi memberi keyakinan kepada rakyat negeri itu bahawa mereka tidak rugi memilih Pas sebagai kerajaan negeri kerana royalti adalah hak kerajaan yang memerintah.

Malah, tiada beza di antara kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) atau Pas kerana masing-masing mempunyai kekuatan kewangan untuk membangunkan negeri sebagaimana didakwa pemimpin Pas Terengganu.

Ada pemimpinnya pula mengeluarkan kenyataan bahawa kekayaan yang dimiliki Terengganu akan digunakan untuk membantu Pas menawan negeri lain, termasuk Kedah, Perlis dan Pahang, yang didakwa mampu dilakukan pada pilihan raya umum akan datang.

Kini, kerajaan Pas Terengganu kelihatan `kepanasan' apabila Kerajaan Pusat mengumumkan perjanjian yang dimeterai oleh Petronas dengan mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia pada 1975 berhubung hasil minyak mengikut Akta Pembangunan Petroleum 1974 adalah perjanjian ihsan, bukan perjanjian pemberian royalti.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, hanya perjanjian antara Petronas dengan Sabah serta Sarawak membabitkan soal hak menerima royalti minyak dan ia tidak membabitkan Terengganu.

Selama ini istilah yang digunakan sebagai royalti bagi merujuk kepada pembayaran sejumlah wang setiap tahun kepada Terengganu tidak tepat.

"Tiada apa yang dianggap royalti tertakluk mengikut perjanjian 1975 di antara Petronas dan semua negeri di Semenanjung.

"Oleh yang demikian, apa-apa perjanjian yang dibuat di antara Petronas dengan mana-mana negeri di Semenanjung adalah perjanjian ihsan semata-mata, bukan perjanjian yang berasas kepada hak negeri terbabit," katanya.

Kenyataan itu sekali gus menjelaskan kekeliruan yang selama ini membelenggu pemimpin kerajaan Pas Terengganu yang mendakwa ia hak mutlak negeri itu, selain turut cuba diheret oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang seolah-olah mahu turut `tumpang semangkuk'.

Sudah menjadi resmi pembangkang yang membangkang membuta tuli, kerajaan Pas Terengganu mempertikaikan kesahihan kenyataan akhbar Kementerian Kewangan yang dikeluarkan sebelum ini, berhubung pemberian wang ihsan bagi menggantikan hasil royalti petroleum yang dinikmati Terengganu sebelum ini.

Menteri Besar, Abdul Hadi Awang, yang menyifatkan sumber berita itu tidak jelas kerana tidak menyatakan siapa sebenarnya membuat kenyataan itu tidak dapat menerima keputusan itu kecuali ia dibuat sama ada oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

Sambil menyamakan kenyataan itu sebagai surat layang, beliau tetap memberikan ulasan kononnya perkara besar yang membabitkan keputusan besar itu boleh menimbulkan beberapa implikasi negatif terhadap pemimpin Kerajaan Pusat.

Kini, ia sudah disahkan dan pemimpin Kerajaan Pusat yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan Terengganu tidak mempunyai hak untuk mendapatkan royalti itu.

"Malah, negeri lain (di Semenanjung) juga tidak mendapat apa-apa,"

katanya sambil menegaskan pemberian wang ihsan itu dibuat mengikut undang-undang.

Beliau menjelaskan, royalti minyak yang selama ini diterima Terengganu sebenarnya wang ihsan daripada Kerajaan Pusat.

"Ia bukan royalti. Ia adalah ihsan yang kita bagi memandangkan Terengganu adalah negeri termiskin dahulu tetapi sekarang keadaan berbeza. Wang ihsan itu hanya disebut sebagai royalti tetapi mengikut undang-undang, Terengganu tidak mempunyai hak untuk menerima royalti minyak.

"Kerana ini (minyak) bukan dari Terengganu. Ini off-shore (luar pesisir) dan mengikut undang-undang barang off-shore adalah milik Kerajaan Pusat," katanya.

Ketika isu royalti itu masih pada peringkat perbincangan, bekas Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, mengakui royalti petroleum yang diterima kerajaan negeri sejak 1978 ialah ihsan Kerajaan Pusat dan bukan hak mutlak kerajaan negeri.

Menurutnya, pemberian wang ihsan sebanyak lima peratus bermula 1978 - ketika itu hanya RM13 juta - bertujuan memberi sumber kewangan bagi membangunkan Terengganu yang terlalu daif serta tiada hasil bumi pada masa itu.

Pemberian ihsan itu dilakukan melalui satu dokumen persefahaman yang ditandatangani beliau bagi pihak kerajaan negeri ketika itu dengan Tengku Razaleigh Hamzah selaku Presiden Petronas ketika itu.

"Dokumen yang ditandatangani itu bukanlah satu bentuk penjanjian tetapi persefahaman. Keadaan negeri yang begitu mundur ketika itu mendorong Kerajaan Pusat memberikan pertolongan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkannya pada Jun lalu.

Bagi mengukuhkan dakwaan itu dan tidak dipertikaikan kewibawaannya, kerajaan Pas Terengganu pernah menyiarkan surat perjanjian mengenai 'pembayaran royalti' kepada kerajaan negeri oleh Petronas melalui penerbitan propagandanya, Warta Darul Iman.

Hakikatnya, keupayaan pentadbiran kerajaan terletak kepada jumlah 'royalti' yang diterima. Malah, menurut teks belanjawan tahun 2000 Kerajaan Negeri Terengganu yang dibentangkan Abdul Hadi, jumlah anggaran hasil yang akan diperolehi bagi tahun 2000 berjumlah RM692.182 juta, yang mana 70 peratus daripadanya disumbangkan melalui bayaran 'royalti'.

Pada masa sama, kerajaan Pas Terengganu mencadangkan belanjawan untuk perbelanjaan mengurus berjumlah RM683.7 juta. Berdasarkan peruntukan melalui Program Pembiayaan Wang Ehsan, dan tidak disalurkan kepada akaun kerajaan negeri, ini sudah pasti meletakkan kerajaan negeri dalam keadaan yang amat menyulitkan.

Keadaan ini sudah pasti tambah menyulitkan kerajaan negeri apabila semua bentuk cukai sudah dihapuskan sebaik sahaja mendapat tampuk pemerintahan negeri seperti cukai pintu, kutipan tol, cukai bakul dan penghapusan pelbagai tunggakan cukai yang tidak dibayar, semata-mata untuk memenuhi janji dalam manifesto pilihan raya.

Yang pasti, kerajaan Pas Terengganu akan berusaha mendapatkan haknya melalui saluran tertentu jika Kerajaan Pusat menyalurkan 'royalti' itu tidak berasaskan keadilan sebagaimana mengikut tafsiran parti itu.

Ini diakui sendiri Abdul Hadi bahawa kerajaan negeri akan meneliti keputusan Kerajaan Pusat itu sebelum menimbangkan pendekatan yang akan diambil mengenai soal berkenaan.

"Kita akan tunggu maklumat rasmi dan akan membawa perbincangan dengan rakan yang arif dari segi undang-undang, termasuk Tun Saleh Abas (bekas Ketua Hakim Negara) yang kini anggota Exco kerajaan negeri," katanya yang sudah berkira-kira 'mengadu kepada Tuhan' dengan berpuasa selama seminggu dan mengadakan solat hajat supaya keadilan sebenar dapat diberikan kepada negeri serta rakyat. Perjanjian royalti hanya dimeterai Petronas dengan

Sabah dan Sarawak berasaskan dua undang-undang yang berkuatkuasa pada 1966, iaitu Akta Perlombongan Minyak dan Akta Pelantar Benua.

Peruntukan akta itu disambung selepas 1969 bagi Sabah dan Sarawak, sekali gus memberikan kedua-dua negeri terbabit hak ke atas hasil perlombongan petroleum di kawasan pesisiran masing-masing.

Bagi negeri di Semenanjung, hadnya ialah tiga batu nautika di antara paras pesisir ketika surut. Bagi (hasil perlombongan minyak di) kawasan yang lebih daripada itu, ia terserah kepada Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun, kerajaan negeri Terengganu yang mempertikaikannya bersandar kepada Seksyen 4, Akta Pembangunan Petroleum 1974 yang menyentuh soal pembayaran wang tunai kepada kerajaan negeri.

Seperti kata Dr Rais, mereka akan mendakwa kononnya peruntukan itu memberikan mereka hak ke atas hasil minyak yang dilombong di pesisir negeri itu sedangkan dari segi undang-undang ia tidak memberikan hak itu kepada negeri. Sudah pasti kerajaan Pas Terengganu mempunyai tafsiran sendiri dalam soal ini.